



## 1017 BENTUK-BENTUK GERAKAN KRISTIANISASI DALAM KALANGAN MASYARAKAT ORANG ASLI MUSLIM DI PERAK

Zulkefli bin Aini, Nur Shafinaz binti Sabri

Program Pengajian Dakwah dan Kepimpinan  
Pusat Kesejahteraan Insan dan Komuniti  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
[zulaini@ukm.edu.my](mailto:zulaini@ukm.edu.my)

### Abstrak

*Kajian mendapati bimbingan fardu ain terhadap Orang Asli muslim merupakan usaha yang berterusan daripada para pendakwah. Ini bagi memastikan mereka dapat mengamalkan ajaran Islam dengan sebaiknya. Walau bagaimanapun, usaha tersebut berhadapan dengan cabaran dalaman dan luaran. Kajian mendapati bahawa cabaran luaran disumbangkan oleh pengaruh dan gerakan agama tertentu seperti agama Kristian. Oleh itu, artikel ini bertujuan mengenalpasti bentuk-bentuk gerakan kristianisasi yang berlaku dalam masyarakat Orang Asli di Perak. Pengumpulan data kajian menggunakan kaedah temubual mendalam melalui temubual separa struktur terhadap enam orang peserta kajian yang terdiri daripada Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA), Muballigh dari Majlis Agama Islam Perak dan Orang Asli yang telah murtad. Hasil kajian mendapati gerakan kristianisasi berlaku dalam bentuk hiburan, pendidikan dan sosial. Kajian ini memberikan implikasi terhadap usaha mempertingkatkan kualiti pendakwaan dalam kalangan pendakwah supaya masyarakat Orang Asli muslim dapat mengamalkan ajaran Islam dengan sebenar.*

*Kata kunci: bimbingan fardu ain; Orang Asli; gerakan Kristianisasi; dakwah*

### Pendahuluan

Menurut Carey (1976), bahawa istilah Orang Asli diperkenalkan oleh kerajaan Malaysia bagi menggantikan perkataan 'aborigines' yang dipakai oleh kerajaan Inggeris untuk merujuk kepada pelbagai suku kaum dalam kumpulan Negrito, Senoi dan Melayu Asli. Sementara itu menurut laman rasmi Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) kewujudan Akta Orang Asli 1954 (Akta 134) di bawah Aborigional Peoples Ordinance No. 3, 1954 yang telah dipinda pada tahun 1974, penetapan istilah dan kelayakan untuk dikatakan sebagai komuniti Orang Asli telah dijelaskan dengan terperinci. Berdasarkan Seksyen 3 dalam Akta Orang Asli 1954 (Akta 134), Orang Asli ditakrifkan seperti berikut, 1. Mana-mana yang bapanya ialah ahli daripada kumpulan etnik Orang Asli, yang bercakap bahasa Orang Asli dan lazimnya mengikut cara hidup Orang Asli dan adat kepercayaan Orang Asli, dan termasuklah seorang keturunan melalui lelaki itu; 2. Mana-mana orang daripada mana-mana kaum yang diambil sebagai anak angkat semasa budak oleh Orang Asli dan yang telah dibesarkan sebagai seorang Orang Asli, lazimnya bercakap bahasa Orang Asli, mengikut cara hidup Orang Asli dan adat kepercayaan Orang Asli, dan menjadi ahli daripada suatu masyarakat Orang Asli; atau 3. Anak daripada mana-mana penyatuan antara



seorang perempuan Orang Asli dengan seorang lelaki daripada suatu kaum lain, dengan syarat anak itu lazimnya bercakap bahasa Orang Asli dan kepercayaan Orang Asli dan masih lagi menjadi ahli daripada suatu masyarakat Orang Asli. Menurut Juli Edo (2010), masyarakat Orang Asli mengandungi tiga rumpun bangsa yang terbentuk daripada 18 buah suku kaum. Setiap suku kaum adalah sebuah entiti etnik yang tersendiri dan kaya dengan budaya masing-masing. Mereka wujud sebagai sebuah masyarakat yang memegang teguh terhadap adat warisan nenek moyang.

Masyarakat Orang Asli juga dianggap sebagai kaum minoriti dengan jumlah mereka dianggarkan antara 140,000 hingga 180,000 orang. Melalui sumber Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) merekodkan jumlah penduduk Asli Malaysia ialah 180,458 (Sistem e-Damak 2011). Manakala sumber Banci Penduduk dan Perumahan pada tahun 2011 menyatakan jumlah Orang Asli mewakili 0.5% jumlah penduduk Malaysia. Manakala data yang diperolehi daripada JAKOA pada tahun 2011 menunjukkan pola beragama masyarakat Orang Asli yang menganut Animisme seramai 58,043 orang (33%), Islam seramai 35,975 orang (20%), Kristian seramai 17,351 orang (9.8%), lain-lain agama iaitu Budha seramai 1,024 orang (0.6%), Bahai seramai 5,071 orang (2.8%), Hindu seramai 261 orang (0.1%) dan Agama Suku Adat seramai 14,975 orang (8.4%). Manakala Orang Asli yang tiada agama seramai 42,757 orang (24%) dan lain-lain adalah seramai 2,740 orang (1.5%) (JAKOA, 2014).

Berdasarkan data tersebut, dalam konteks pengislaman dalam kalangan Orang Asli di Malaysia, hanya terdapat 20% yang telah memeluk agama Islam. Ini menunjukkan bahawa kadar pengislaman dalam kalangan Orang asli masih berada di tahap rendah. Tambahan pula, menurut Ramlee (2019, 2015) dan Abd. Ghafar (2014) kualiti pengamalan agama Islam mereka juga berada di tahap rendah. Di samping itu, penghayatan beragama mereka daripada sudut akidah dan syariah juga menunjukkan tahap yang rendah. Antara kesannya ialah mereka mudah dipengaruhi dan terpengaruh dengan ajakan dan pujukan daripada agama yang bersifat misionari seperti agama Kristian (Syed Abdurahman, 2009). Ini menyebabkan ada dalam kalangan mereka yang murtad dan menganut agama Kristian. Menurut Jamilah dan Engku Ahmad Zaki (2017), taraf hidup dan tahap pemikiran minda tertutup sebahagian masyarakat Orang Asli menyebabkan mereka tidak terlepas menjadi sasaran utama misi misionari Kristian bagi mempengaruhi akidah dan pegangan mereka. Dalam penelitian Hassan Mat Nor (1994) gerakan Kristianisasi menggunakan strategi dan pendekatan tertentu berdasarkan kekuatan dana kewangan dapat menarik Orang Asli untuk menganut agama Kristian walaupun mereka sudah memeluk Islam. Tambahan pula menurut Lim Hin Fui (1997), ada kalangan Orang Asli telah dilantik menjadi pembantu paderi dengan diberikan gaji dan imbuhan yang menarik serta diberikan bantuan kewangan dan kebendaan. Pengaruh sedemikian menyebabkan mereka lebih mudah terpengaruh kerana bagi mereka pendekatan yang dibawa oleh aktivis Kristian tidak bertentangan dengan nafsu dan kehendak kehidupan mereka. Ini ditambah dengan kedudukan ekonomi mereka yang rendah mengakibatkan bantuan sedemikian menyentuh perasaan mereka dan menyebabkan mereka pada akhirnya memilih untuk keluar Islam lalu memeluk agama Kristian (Syed Abdurahman 2009). Justeru artikel ini membincangkan bentuk-bentuk gerakan kristianisasi yang



dilakukan oleh aktivis agama Kristian dalam usaha mereka memurtadkan masyarakat Orang Asli muslim di Perak.

### **Gerakan Kristianisasi Dalam Kalangan Masyarakat Orang Asli**

Usaha pengkristianan dalam kalangan orang Asli di Tanah Melayu dapat dikaitkan dengan usaha seorang paderi Khatolik bernama M. Borie dari sebuah badan missionary di Perancis yang dikenali sebagai Society of the Foreign Mission of Paris pada tahun 1847 (Ghazali 2014). Beliau dikatakan telah melakukan usaha penyebaran ajaran Kristian dalam kalangan Orang Mantra (suku Temuan) yang terdapat di sekitar bandar Melaka. Dari sini kemudiannya kumpulan ini berpecah dan berhijrah sehingga ke kawasan Labu, Lukut Negeri Sembilan. Malah, menurut Nik Azran dan Mohd Mahadi (2009), gerakan Kristianisasi semakin hebat apabila mereka mula mendekati masyarakat orang Asli daripada suku kaum Semai pada sekitar tahun 1932 dan mereka telah menghulurkan bantuan kewangan kepada suku kaum ini yang diperuntukkan khusus daripada dua buah pertubuhan Kristian Antarabangsa iaitu, *The Elca Division For Global Mission* dan *The Southeastern Synod*.

Sementara itu, Mohd. Nizam dan Che Zarrina (2005) berpandangan sejarah awal kemasukan agama Kristian dalam kalangan Orang Asli di Semenanjung Malaysia dikatakan bermula di negeri Perak sebelum Perang Dunia Kedua berlaku. Selepas kematian Napitopoloe yang dikatakan merupakan seorang ketua paderi daripada Batak Lutheran yang mengetuai gerakan pengkristianan ketika itu, gerakan Kristianisasi dilaksanakan pula oleh orang Eropah. Namun demikian, usaha mereka ini kurang berjaya. Oleh itu mereka telah mengubah pendekatan dengan melantik daripada kalangan orang Asli sendiri untuk melaksanakan usaha misionari Kristian dengan diberi imbuhan yang menarik. Menurut Nichololas et al. (1989), usaha ini dilihat sebagai satu kejayaan kerana Orang Asli lebih mudah dipujuk oleh suku kaum mereka sendiri serta usaha-usaha mereka ini, walaupun dilihat tidak mencapai kejayaan sepenuhnya, namun masih dikira lebih baik dan lebih mencapai kejayaan berbanding usaha yang dilakukan oleh guru-guru agama Islam. Kemudian, setelah seratus tahun kemudiannya barulah denominasi lain seperti Protestan, terutama sekali daripada Methodist Home Missionary Society turut memulakan kegiatan mereka (Ghazali 2014).

Menurut Abdul Rahman (2009), mereka bergerak dalam kalangan Orang Asli suku Semai di daerah Gopeng, Kampar, Tapah dan Teluk Intan di Negeri Perak. Kemudiannya menjelang tahun 1930 usaha tersebut diteruskan oleh pasangan suami isteri yang bernama Reverend Dr. Paul dan Mrs. Nathalie Means dengan bantuan seorang misionari Batak dari Indonesia dalam usaha mengembangkan dan memajukan agama Kristian. Begitu juga seperti ketua Paderi yang bernama Napitopoloe, beliau telah mengahwini perempuan Orang Asli dan berjaya mengkristiankan lebih daripada enam Orang Asli ketika itu (Mohd Nizam dan Che Zarrina 2005). Menurut Carey (1976), Napitopoloe telah berjaya menghasilkan tiga buah buku tentang agama Kristian dalam bahasa suku Semai dan buku-buku ini sehingga kini dikatakan masih diedarkan secara meluas dalam kalangan Orang Asli.

Sementara itu, dalam kajian Mahani Musa (1996) mendapati pada ketika itu pekan Kampar digunakan sebagai pusat kegiatan pendidikan gereja untuk melatih bakal paderi. Menurut rekod



antara 1961-1970 sejumlah 275 Orang Asli, pemuda dan kanak-kanak telah mendapat pendidikan formal di Kampar menerusi pendidikan gereja. Menjelang 1966 terdapat kira-kira 950 Orang Asli berjaya dikristiankan. Menjelang tahun 1970 jumlahnya meningkat kepada 2940 orang yang menduduki beberapa kawasan 15 perkampungan sekitar Gopeng dan Tapah. Kemudiannya pada tahun 1991, gereja orang Asli telah dianugerahkan sebagai badan rasmi yang mempunyai status otonomi daripada gereja pusat dengan nama Sengoi Mission Conference. Pada masa ini terdapat 12 pastor dalam kalangan anak Semai yang bekerja sepenuh masa mengawasi serta mengurus sejumlah 4500 penduduk agama Kristian denominasi Methodist di seluruh Negeri Perak (Ghazali 2014).

Menurut Hassan Mat Nor (1994.) dan Syed Abdul Rahman (2009), sehingga tahun 1990 gereja Methodist di Kampar memperakukan bahawa terdapat sejumlah 5,026 orang Asli dikristiankan dan menganut denominasi Methodist. Ketika itu terdapat penganut Khatolik seramai 2000 orang dan sekitar 1000 orang telah memilih agama Kristian daripada lain-lain denominasi. Ini menunjukkan bahawa jumlah penganutan Kristian dalam kalangan Orang Asli di seluruh semenanjung Malaysia pada tahun 1990 adalah melebihi 8000 orang. Penggerak Kristian Methodist memulakan kegiatannya kepada masyarakat Orang Asli selepas tahun 1930 dan peluang mereka bertapak dalam masyarakat Orang Asli bermula apabila Dr. Paul Means dan isterinya Nathalie Means diundang melawat masyarakat Orang Asli di Kuantan Pahang. Dalam lawatan ini beliau sempat melawat Orang Asli di sekitar Jalan Pahang dari Tapah ke Cameron Highland. Hasil tinjauan tersebut, beliau berpendapat bahawa ajaran Kristian boleh disebarkan melalui ketua kumpulan masyarakat Orang Asli (Ghazali 2014).

Selain itu juga, gerakan misionari Kristian dilihat begitu tersusun rapi dan pendekatan yang mereka gunakan juga menarik minat Orang Asli untuk menganuti agama Kristian (Mohd Nizam dan Che Zarrina 2005). Antara yang terkenal dalam usaha penyebaran Kristian dalam kalangan Orang Asli ialah Alexander Simanjuntak dari keturunan Batak Toba, Sumatera yang dihantar untuk membantu Dr. Paul Means (Ismail Abdul Rahman 200). Alexander Simanjuntak dibayar gaji oleh Badan Methodist sebanyak RM 250.00 sebulan serta telah mendapat bantuan penghulu kampung Orang Asli di sana yang bernama Bah Dikit untuk membina kediamannya dan sebuah bangunan yang digunakan sebagai sekolah. Seorang lagi yang mempunyai peranan dalam penyebaran Kristian dalam kalangan Orang Asli terutamanya suku Semai ialah Bah Rahah bin Hasan. Beliau terpengaruh dengan ajaran Kristian apabila seorang paderi berbangsa Cina iaitu John, menawarkan kepadanya bantuan sekolah. Beliau adalah salah seorang daripada penuntut yang tinggal di asrama sekolah Methodist di Kampar yang telah dibina oleh Father John seterusnya John telah menghantarnya ke Sarawak dan Jepun untuk mendalami agama Kristian.

Menurut Mohd Nizam dan Che Zarrina (2005), terdapat beberapa sebab penerimaan Orang Asli terhadap agama Kristian yang diperkenalkan kepada mereka. Dua faktor utama kenapa masyarakat orang Asli tertarik kepada agama Kristian iaitu, pertama, strategi dan pendekatan yang digunakan oleh para penggerak Kristian untuk memenangi hati Orang Asli dengan begitu sistematik dan menyakinkan. Kedua, agama Kistian dikatakan lebih bertolak ansur dalam cara kehidupan Orang Asli dan Orang Asli juga tidak dipaksa mengubah identiti mereka setelah memeluk agama Kristian. Bahkan penggerak Kristian sanggup berkahwin dengan wanita Orang



Asli dengan tujuan menyampaikan agama Kristian. Sebagai contoh, seorang berbangsa Belanda telah berkahwin dengan wanita Asli Jakun dan tinggal di sebuah kampung pendalaman berhampiran dengan Tasik Chini Pahang (Ismail Abdul Rahman 2000).

Dalam pada itu, kajian Halim Mokhtar (2002) membuktikan bahawa latar belakang pendidikan Orang Asli yang rendah dan sikap mereka yang masih memandang negatif terhadap ajaran Islam membuatkan Orang Asli ketika itu lebih cenderung untuk mengikuti agama Kristian. Namun, ada juga segelintir masyarakat Orang Asli merasa rendah diri terhadap taraf pendidikan seperti tidak tahu membaca serta taraf sosial seperti kehidupan mereka berada dalam kemiskinan menyebabkan mereka berasa janggal untuk hidup bersama masyarakat Kristian di Malaysia (Baharon et al 1986). Pelbagai kaedah yang digunakan oleh penggerak Kristian bagi memikat masyarakat Orang Asli untuk menganut agama mereka terutamanya dengan mengambil peluang dari suasana hidup masyarakat Orang Asli yang kebanyakannya berada pada paras kemiskinan, dengan menyogok pelbagai bantuan dan kemudahan material (Mohd Fauzi et.al 2006).

Selain itu, penggerak agama Kristian telah mendirikan gereja-gereja di perkampungan yang tidak ramai dihuni masyarakat Orang Asli agar mereka tidak terpengaruh dengan dakwah yang dibawa oleh pendakwah muslim. Dengan menyediakan pengangkutan khas setiap hari Ahad untuk membolehkan Orang Asli mengadakan upacara sembahyang di gereja-gereja tertentu di pekan-pekan besar seperti di Kuantan dengan memberikan imbuhan seolah-olah elauan harian dan menggunakan orang-orang tertentu dalam kalangan masyarakat Orang Asli yang telah memeluk agama Kristian untuk mengembangkan pengaruhnya dalam kalangan Orang Asli dengan menjadikan orang tersebut sebagai model kejayaan penganut agama Kristian (Ismail Abdul Rahman 2000). Misionari Kristian juga turut memberi bantuan kewangan dan kebendaan (Mohd Fauzi et.al 2006), oleh kerana keadaan ekonomi Orang Asli yang agak ketinggalan, membuatkan bantuan sedemikian menyentuh perasaan mereka dan menyebabkan mereka memilih agama Kristian apabila dipujuk berbuat demikian.

Di samping itu, terdapat tektik gerakan Kristianisasi secara tidak langsung iaitu dengan memberikan bantuan fizikal dan tinggal dalam tempoh masa yang panjang di perkampungan Orang Asli (Ismail Abdul Rahman 2000). Mereka berusaha mengenali dan memenangi hati Orang Asli dengan menghulurkan berbagai bentuk bantuan tenaga kemahiran dan keperluan harian juga membina kelas-kelas untuk pendidikan anak-anak Orang Asli dan memberi segala kemudahan pembelajaran secara percuma. Penggerak Kristian ini juga bersedia mengahwini anak-anak Tok Batin demi mendapatkan keyakinan Orang Asli dan memudahkan mereka bergerak. Cara lain yang digunakan ialah dengan menyebut kebaikan Kristian serta menonjolkan kemajuan di peringkat antarabangsa khususnya di dunia Barat yang hampir keseluruhannya menganut agama Kristian sebagai model kemajuan. Keadaan ini bagi Ghazali Basri (2014) salah satu kaedah untuk menanamkan pemikiran masyarakat yang ingin maju hendaklah memeluk agama Kristian dan menganggap agama lain ketinggalan zaman serta penghalang kepada kemajuan. Selain daripada itu mereka juga mengapi-apikan Orang Asli Islam bahawa tidak ada keistimewaan yang diperolehi oleh Orang Asli yang memeluk agama Islam berbanding yang tidak memeluk Islam daripada belbagai sudut. Di samping itu, mereka memomokkan bahawa





banyak amalan yang perlu dilakukan serta banyak larangan yang perlu dipatuhi jika mereka memeluk Islam.

## Metodologi

Kajian ini merupakan penyelidikan kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian kes. Kajian kes yang dijalankan bertujuan meneliti secara mendalam fenomena berkaitan gerak kerja gerakan kristianisasi yang dilakukan oleh aktivis Kristian melalui pengalaman para pendakwah yang terlibat secara aktif berdakwah melebihi 10 tahun di perkampungan Orang Asli di Perak, penduduk kampung Orang Asli yang telah keluar daripada agama Islam untuk memeluk agama Kristian serta paderi agama Kristian yang bersetuju menjadi peserta kajian. Walau bagaimanapun, paderi berkenaan telah menarik diri atas sebab-sebab tertentu. Kawasan kajian yang dipilih ialah perkampungan Orang Asli di daerah Gopeng, Kampar dan Tapah di negeri Perak Darul Ridzuan. Data dikumpulkan melalui temubual mendalam dengan menggunakan kaedah temubual separa struktur yang dijalankan bersama enam orang peserta kajian sebagaimana yang ditunjukkan dalam jadual berikut.

<b>Kod Peserta Kajian</b>	<b>Jantina</b>	<b>Jawatan</b>
PK1	Lelaki	Pembantu Hal Ehwal Islam, Jabatan Agama Islam Perak (JAIPK) / Mubaligh, Daerah Batu Gajah
PK 2	Lelaki	Penolong Pengarah Bahagian Dakwah, JAIPK
PK 3	Lelaki	Pembantu Hal Ehwal Islam, JAIPK
PK 4	Perempuan	Pembantu Hal Ehwal Islam / Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA), Daerah Kampar
PK 5	Lelaki	Pembantu Hal Ehwal Islam / PMOA, Daerah Tapah
PK 6	Perempuan	Orang Asli suku Semai yang keluar daripada Islam).

Pembinaan instrument temubual berdasarkan objektif kajian yang ditentukan dengan mengambil kira maklumat yang diperolehi daripada kajian literature dan dikategorikan mengikut tema-tema tertentu yang bersesuaian dengan objektif kajian. Item-item temubual telah dinilai melalui proses pengesahan dan kebolehpercayaan oleh tiga orang panel yang terdiri daripada ahli akademik Pusat Kesejahteraan Insan dan Komuniti yang mempunyai kepakaran dalam bidang dakwah masyarakat Orang Asli, ahli akademik daripada Akademi Kajian Ketamadunan di bawah naungan Kolej Dar al-Hikmah yang mempunyai kepakaran dalam bidang gerakan Kristianisasi di Malaysia dan penolong pengarah bahagian dakwah JAIPK yang mempunyai pengalaman dan kemahiran dalam bidang dakwah kepada muslim dan bukan muslim. Proses kebolehpercayaan dilakukan melalui kaedah Cohen Kappa. Penganalisan data temubual menggunakan kaedah



analisis tematik berdasarkan kod-kod tertentu yang membentuk pola dapatan kajian. Data-data yang diperolehi melalui temubual bersama peserta kajian dikemukakan semula kepada mereka untuk disahkan berdasarkan pendekatan penilaian persetujuan unit analisis melalui kaedah Cohen Kappa.

### **Dapatan dan Perbincangan**

Kajian mendapati bahawa bentuk-bentuk gerakan Kristianisasi yang dilakukan merupakan strategi terancang dan pendekatan tersusun untuk memenangi hati Orang Asli. Mereka menjalankan usaha tersebut dengan begitu pragmatik dan meyakinkan sehingga Orang Asli muslim boleh terpengaruh dengan agama tersebut dan akhirnya keluar daripada agama Islam untuk memeluk agama Kristian. Kajian juga mendapati bahawa, bentuk-bentuk gerakan Kristianisasi yang mempengaruhi masyarakat Orang Asli di Perak ialah penganjuran aktiviti berbentuk santai, pemberian bantuan, pendidikan, komunikasi dengan kasih sayang dan perlantikan paderi daripada kalangan masyarakat Orang Asli.

#### **1. Agama Kristian Hadir dalam Aktiviti Berbentuk Santai**

Hasil kajian mendapati bahawa agama Kristian hadir dalam kalangan masyarakat Orang Asli di Perak secara santai dengan memperkenalkan hiburan, gerakan yang tidak agresif, gerakan secara senyap-senyap dan memperkenalkan budaya fesyen. Menurut PK4, penggerak Kristian hadir dalam kalangan masyarakat Orang Asli dengan aktiviti-aktiviti santai ini untuk dilihat di kaca mata Orang Asli bahawa kehadiran mereka lebih mesra, lebih efektif berbanding kehadiran PMOA dan Mubaligh. Oleh kerana perilaku masyarakat Orang Asli adalah sebuah kelompok masyarakat yang bebas dan tidak suka dikawal (Halim dan Zulkefli 2014) maka menurut PK1, pendekatan berbentuk santai ini lebih menarik minat untuk mereka dekati.

##### **a. Memperkenalkan hiburan**

Hasil kajian mendapati bahawa masyarakat Orang Asli lebih mudah terpengaruh dengan agama Kristian kerana sifat ajaran tersebut dianggap menarik. Ini kerana ajaran Kristian datang dengan membawa elemen hiburan. Pada pandangan mereka, Islam dilihat begitu rigid dalam menentukan aktiviti hiburan sehingga tidak boleh berlaku pergaulan bebas, aktiviti minum arak dan sebagainya.

Menurut PK1, penggerak Kristian memerhatikan pergerakan dan mengambil berat terhadap aktiviti yang dijalankan oleh PMOA dan Mubaligh ketika berdakwah. Mereka membuat persepsi terhadap interaksi yang berlangsung antara pendakwah dengan masyarakat orang Asli dengan mendakwa bahawa wujud kelemahan dalam proses komunikasi sehingga dikatakan membosankan di pihak Orang Asli dan tidak menzahirkan kemesraan antara mereka. Keadaan ini berbeza dengan penggerak Kristian yang memasuki perkampunag Orang Asli. Mereka menggunakan pendekatan hiburan yang dilihat memudahkan Orang Asli menerima kedatangan penggerak berkenaan. Hiburan yang diperdengarkan adalah rentak-rentak lagu yang disukai oleh



remaja dan semua lapisan masyarakat Orang Asli. Hiburan tersebut pula disertakan dengan tarian yang bersahaja. Pendekatan sedemikian dilihat lebih dekat, santai dan mesra buat mereka berbanding pendekatan dakwah yang digunakan oleh PMOA dan Mubaligh. Keadaan ini persis dengan tulisan Dana Rappoport (2004) yang menggunakan pendekatan muzik dalam gerakan Kristianisasi di Bukit Toraja Sulawesi. Walaupun masyarakat Bukit Toraja mempunyai muzik tradisional yang digunakan dalam upacara ritual tertentu dan telah menjadi warisan turun menurun, aktivis Kristian menggunakan muzik barat untuk menarik minat ahli masyarakat yang berpotensi menjadi orang Kristian dan melibatkan mereka dengan aktiviti yang dianjurkan oleh pihak gereja.

Namun, menurut PK4, PMOA dan Mubaligh kini juga sedaya upaya mengikut rentak Orang Asli dengan membawa bersama artis ketika mengadakan program di perkampungan Orang Asli. Usaha ini bagi memastikan Orang Asli turut serta ke program yang dianjurkan. Namun, kajian mendapati bahawa roh muzik Kristian itu sendiri lebih menarik minat Orang Asli untuk ke gereja berbanding mereka hadir ke majlis agama yang dijalankan oleh PMOA dan Mubaligh Islam. Malah, sikap Orang Asli yang beragama Islam itu sendiri yang berlebih-lebihan berhibur sambil menyanyi dan menari berbanding orang bukan Islam menyebabkan mereka kehilangan contoh yang baik dalam masyarakat. Akhirnya mereka membuat kesimpulan mudah bahawa tiada perbezaan antara agama Islam dengan agama Kristian dalam hal tersebut.

#### b. Gerakan yang tidak agresif

Gerakan Kristianisasi yang dianggap tidak bersifat agresif ini bermaksud tingkah laku yang tidak mendatangkan kemudaratan kepada orang lain (Azizi 2004). Oleh kerana itu, gerakan kristianisasi ini menurut PK3 tidak dianggap satu ancaman buat masyarakat Orang Asli. Walau bagaimanapun, ia menjadi sebagai halangan dan cabaran dalam urusan pendakwah dalam menyampaikan ajaran Islam kepada mereka. Selain itu, menurut PK4 gerakan kristianisasi yang dilakukan tidak terlalu agresif pada zahirnya dan santai untuk diterima oleh masyarakat Orang Asli. Ini kerana mereka mendidik masyarakat Orang Asli setelah memeluk agama Kristian cukup hanya dengan berpegang bahawa Jesus tidak sukakan permusuhan, perlu berbaik-baik dengan semua orang. Bahkan, menurut PK5 penggerak Kristian tidak akan sekali-kali memaksa atau mengugut Orang Asli untuk keluar daripada agama Islam, malah mereka boleh memeluk agama Kristian tanpa menunjukkan tanda bahawa mereka sudah pun murtad. Mereka yang berada dalam situasi seperti ini dikenali sebagai “insider movement”, iaitu *who are trusting in Christ as their Lord and Savior but choose to remain culturally and religiously identified as a Hindu or a Muslim. They are referred to as “insider” believers because they are following Christ within the religious and cultural structures of non-Christian religions* (Ternet, 2019; 2005). Mereka juga dikenali sebagai “Churchless Christianity”, yang pada pandangan Hoefler (2001) ialah dikira sebagai Orang Kristian tetapi dilihat kekal dalam kelompok agama asal mereka, tidak menzahirkan sebarang petanda yang mereka adalah orang Kristian seperti mengunjungi gereja dan mengikuti aktiviti serta program yang dianjurkan oleh pihak gereja. Mereka lebih dikenali





sebagai pengikut setia Jesus dan pengikut Kristian yang tidak dibaptis (Ternet 2019). Menurut Bridges (1997), mereka boleh terus berada di dalam masjid untuk beribadah persis seorang muslim, tetapi daripada segi hakikatnya mereka adalah “Muslim followers of Jesus” yang sentiasa berada di dalam masjid, tidak berenggang dengan masjid. Mereka dikira berada di dalam “Jesus Mosques” dengan erti menuruti perintah Jesus walaupun berada di dalam masjid. Dalam tulisan Hoefler (2015) mendedahkan bahawa salah satu strategi aktivis Kristian seperti beliau untuk mengkristiankan penganut agama lain terutamanya orang Islam dan Hindu ialah menggunakan pendekatan sosiologi dalam konteks mengaitkan agama dengan nilai sesuatu masyarakat. Seseorang muslim tidak perlu keluar daripada nikah dan keterikatan masyarakat muslim untuk menjadi seorang Kristian. Dia boleh kekal sebagai ahli masyarakat dalam komuniti muslim yang terdapat nilai keagamaan seperti beribadah di masjid tetapi daripada segi hakikatnya mereka ialah seorang Kristian. Justeru, Hoefler (2015) secara jujur mengatakan bahawa

*“my goal is not to make them into a Christian (i.e., a member of a different sociological community). I tell them that I pray they would become a follower of Christ as a Muslim or a Hindu (sociologically). I have found that they easily understand this distinction, and they begin to drop their guard because they already have a very high regard for Christ from within their own religious tradition. Their primary hesitation is not because of a change of faith but a change of community. We of the church offer ourselves as “along siders” for these inside followers of Christ”.*

Pendekatan “insider movement” dan “churchless Christianity” ini dilihat mempunyai kaitan dengan strategi “C-5” dalam gerakan kristianisasi (Tennet, 2019; 2005). Menurut Carlos G. Martin (2012) pendekatan “C-5” merupakan pendekatan secara kontekstual atau contextualization dalam gerakan kristianisasi berdasarkan skala-skala tertentu. Menurut Travis (1998) skala tersebut yang dikenali dengan *The C-Scale*, or “Contextualization Spectrum,” adalah suatu alat yang digunakan untuk mengukur tahap contextualization dalam kalangan orang Islam dalam konteks tertentu. “C-5” ialah skala 5 yang merujuk kepada orang Kristian yang berada komuniti orang Islam dan mengekalkan identiti Islam mereka tanpa menzahirkan simbol Kristian. Orang Islam lain menganggap mereka masih beragama Islam (Martin 2012). Mereka tidak perlu meninggalkan identiti keislaman mereka seperti nama Islam dan sistem hubungan kemasyarakatan yang dituntut dalam Islam untuk menjadi seorang penganut Kristian. Dalam situasi seperti ini mereka, menurut Ghazali (2014, 1994) dikenali sebagai *anonymous believer*.

Justeru, dalam konteks kajian ini, ada kalangan Orang Asli yang dikategorikan sebagai sudah murtad tetapi berpura-pura patuh kepada nasihat PMOA dan Mubaligh seperti memakai tudung kepala dan pergi ke masjid mengerjakan solat walaupun pada hakikatnya mereka sudah memeluk agama Kristian. Hal ini berlaku, menurut PK3, kerana ada kalangan Orang Asli yang bersikap seperti lalang dan mudah terpengaruh dengan agama Kristian sehinggakan PMOA dan Mubaligh tidak dapat menjangka bahawa mereka sudah pun murtad. Menurut PK1 pergerakan pengerak



Kristian yang tidak agresif ini akan mengakibatkan gejala murtad dalam kalangan masyarakat Orang Asli semakin berleluasa.

Menurut PK4, penggerak Kristian aktif menjalankan kerja dakyah mereka secara tersembunyi. Usaha mereka ini dilihat tidak agresif namun tetap berleluasa. Orang awam mahupun PMOA dan Mubaligh yang kurang sensitif dengan isu Kristianisasi tidak dapat mengesan tektik ini. Kebijaksanaan menyusup dan kelicikan bergerak tanpa disedari ini umpama “api dalam sekam” dan “anai-anai yang mengorek kayu. Pendekatan secara senyap-senyap ini, menurut Ghazali (2014) diibaratkan sebagai proses *salt and leaven* atau garam dan ragi. Ia merujuk kepada proses kristianisasi yang responsive dan mengakarnya ajaran Kristian dalam kalangan pemeluk baharu dan berkembang secara diam-diam tetapi berkesan. Umpama garam yang meresapi masuk ke dalam bahan makanan seperti daging untuk dimasak atau sebutir ragi bertindak melakukan proses penapaian (Ghazali 2014, 1994). Menurut PK3, PMOA dan Mubaligh hanya menyedari gejala buruk ini apabila berlaku kes murtad atau menyedari sendiri ada di antara Orang Asli muslim yang mula menjauhkan diri daripada mereka atau mendapat makluman daripada orang lain bahawa ada individu yang sudah pun murtad. Hal ini menunjukkan umat Islam seolah-olah gagal mengesan masalah ini sejak awal dan inilah salah satu gambaran berjayanya strategi tersembunyi mereka tanpa perlu bergerak aktif seperti usaha dakwah yang dilaksanakan oleh PMOA dan Mubaligh Islam sendiri (Majlis Agama Islam Selangor 2014).

c. Gerakan secara senyap-senyap.

Menurut PK3, gerakan Kristianisasi ini dikatakan bersifat santai kerana mereka hadir secara senyap-senyap sehingga tidak dapat dijangka oleh PMOA dan Mubaligh. Kehadiran yang tak dijangka ini menyebabkan dalam tidak sedar ada penggerak Kristian telah pun menyebarkan dakyah mereka. Malah, PK3 memperakui bahawa penggerak Kristian lebih arif tentang bagaimana cara untuk menarik minat dan memikat hati Orang Asli berbanding PMOA dan Mubaligh Islam itu sendiri. Menurut PK5, dahulu gerakan Kristianisasi dalam kalangan masyarakat Orang Asli terdiri daripada orang suku kaum Batak, namun kini mula dipolopori oleh pelancong-pelancong yang datang terutamanya dari Korea. Mereka masuk ke perkampungan masyarakat Orang Asli sebagai pelancong untuk sesuatu tempoh kemudian mereka keluar seketika untuk datang kembali bagi memperbaharui visa semata mata (A. Karim 2012; 2013). Menurut PK4, usaha penggerak Kristian membawa pelancong-pelancong dari Korea ini dilihat lebih mudah menarik minat anak muda kerana belia Orang Asli juga tidak terlepas daripada tren hiburan terkini. Malah, kegilaan golongan remaja terhadap artis K-pop (pop Korea) kini sudah menjadi satu fenomena yang luar biasa. Ini ditambah dengan kejayaan muzik Kpop menduduki tangga di bawah 100 di Amerika Syarikat membuktikan muzik mereka semakin diterima dan digilai oleh masyarakat Antarabangsa (Nor Hashimah dan Zaharani 2011). Malah menurut Choi (2019), pihak gereja perlu melakukan perubahan dengan melihat fenomena dunia hiburan yang melanda golongan remaja khususnya untuk menarik mereka mengikuti ajaran Kristian. Dengan mengambil kumpulan BTS dari Korea, Choi menyatakan “*The Western church should take note*



*of the BTS phenomenon. There are a few lessons it can teach us about our changing world.*” Dia berpandangan bahawa generasi akan datang yang mewarisi institusi gereja dan kepimpinannya ialah generasi yang bersifat *diversity* dan kelihatan dilihat *more diverse* serta bersedia untuk dipengaruhi oleh pemimpin yang juga bersifat *diversity*.

Menurut PK3, situasi yang hampir sama pernah berlaku pada satu ketika dahulu di perkampungan Orang Asli Lubuk Cepa. Perkampungan tersebut pada asalnya dihuni oleh hampir keseluruhannya Orang Asli muslim. Namun, menurut PK3, oleh kerana ketika itu PMOA dan Mubaligh jarang turun ke kampung untuk bertemu dengan Orang Asli di situ, hampir keseluruhan penduduk kampung telah berjaya dikristiankan oleh penggerak Kristian. Menurut PK3, ketika itu dua orang perempuan warga Indonesia yang berbangsa Flores duduk selama tujuh bulan di perkampungan Orang Asli tersebut. Kedatangan mereka pada awalnya sebagai pelancong, namun dalam tidak sedar mereka menyebarkan ajaran Kristian. Hal seperti ini yang dirisaukan akan terus berlaku dalam kalangan masyarakat Orang Asli Muslim kerana secara tidak langsung mengganggu kelangsungan usaha dakwah PMOA dan Mubaligh Islam.

#### d. Memperkenalkan budaya fesyen

Budaya fesyen tergolong dalam budaya reka cipta manusia berbentuk kebendaan. Oleh kerana aspek pemakaian masyarakat Orang Asli telah diadaptasi mengikut kesesuaian budaya persekitarannya, namun kajian mendapati bahawa pemakaian tradisional mereka tidak lagi diamalkan. Menurut PK4 masyarakat Orang Asli terutamanya golongan wanita, sukakan kecantikan dan sememangnya mereka mahir dalam menghasilkan kraftangan seperti sanggul rambut yang diperbuat daripada rotan. Mereka begitu memanfaatkan segala bahan mentah yang ada di kawasan sekeliling, malah mereka kreatif dalam mengitar semula bahan yang terbuang. Antara yang menarik perhatian ialah cucuk sanggul dan sikat yang diperbuat daripada buluh (Mohd Mizan dan Shuhairimi 2004). Ini membuktikan menurut PK4, bahawa masyarakat Orang Asli juga tidak terlepas dari mempunyai minat dengan kebersihan, kekemasan dan kecantikan. Gerakan Kristianisasi ini dilihat santai apabila mereka mampu menarik minat Orang Asli dengan memperkenalkan fesyen-fesyen seperti pakaian, kasut, dan gaya rambut yang terkini. Menurut PK6, orang Kristian ini berperwatakan cantik, baik, dan bertutur dalam bahasa yang sopan tanpa perlu memaksa-maksa mereka. Hal ini sama seperti yang diperkatakan oleh PK4, penggerak Kristian bukanlah dalam kalangan orang yang “biasa-biasa” malah mereka ini kreatif dalam memikat hati Orang Asli. Kajian mendapati sifat kreatif mereka ini membuatkan golongan muda terutamanya, cenderung untuk meniru pemakaian pelancong seperti meniru memakai cermin mata hitam dan seluar jeans.

Oleh kerana itu usaha dakwah PMOA dan mubaligh kepada masyarakat Orang Asli ini sering dikaitkan dengan perkara yang bertentangan dengan nafsu atau keinginan Orang Asli. Usaha kristian dilihat mendapat lebih sambutan dan perhatian. Menurut PK3 dan PK4, keterujaan dan ketaksuban masyarakat Orang Asli terhadap perwatakan penggerak Kristian yang dianggap seksi dan menarik inilah yang membuatkan mereka seolah-olah lupa diri, budaya serta anutan agama



yang seharusnya membentangi diri mereka daripada berpelakuan yang tidak sopan. Secara tidak langsung membuktikan bahawa tarikan-tarikan yang dibawa oleh Kristian ini menarik minat dan menggugat pegangan agama individu Orang Asli muslim untuk beramal dengan ajaran Kristian. Hal ini mengakibatkan menurut PK5, Orang Asli muslim merasakan mereka perlu meninggalkan semua perkara yang menjadi kesukaan mereka sekiranya mereka terus memeluk agama Islam.

## 2. Penggerak Kristian Hadir Memberikan Bantuan

Kehadiran penggerak Kristian ke sesebuah perkampungan masyarakat Orang Asli membawa satu misi menyebarkan agama Kristian. Sudah pastinya kedatangan yang membawa matlamat yang besar itu disertakan dengan strategi yang licik. Antaranya ialah dengan menawar dan memberikan bantuan kepada penduduk kampung Orang Asli. Antara bentuk bantuan yang diberikan ialah bantuan pendidikan, bantuan tenaga kemahiran serta keperluan harian, dan memberi bantuan sosial.

### a. Memberi bantuan pendidikan

Perkara yang melibatkan hubungan gerakan Kristianisasi dan pendidikan di Malaysia menarik minat para pengkaji seperti Chong Eu Choong (2010) dan Diana Wong dan Ngu Ik Tien (2014) Kebanyakan masyarakat Orang Asli terutama golongan warga emas adalah buta huruf dan tahap pemikiran mereka adalah rendah kerana tidak mendapat pendidikan secara formal. Menurut PK4 ramai masyarakat Orang Asli yang sudah memeluk Agama Islam yang umurnya sudah mencecah usia lewat tahun, namun masih belum mampu membaca surah al-Fatihah dengan lancar. Begitu juga aktiviti dan program-program yang dilaksanakan seperti ceramah agama, dialog dan bengkel-bengkel tidak boleh dijalankan secara formal dan menggunakan bahasa yang sukar difahami daripada segi istilah dalam sesuatu disiplin ilmu walaupun kebanyakan pendakwah sudah mampu bertutur dalam bahasa Orang Asli. Oleh kerana tahap pemikiran mereka masih rendah, keadaan ini menyebabkan mereka kurang berfikir, sukar memahami dan menghayati apa yang disampaikan oleh pendakwah. Oleh kerana Orang Asli kurang berfikir menyebabkan mereka mudah terpengaruh dengan pujukan, sogokan dan rayuan yang datang daripada penggerak Kristian.

Walaupun bagaimanapun menurut PK5, tahap pemikiran dan pemahaman Orang Asli yang rendah ini tidak akan menjadi halangan dan cabaran kepada aktivis Kristian. Walaupun penggerak Kristian tidak boleh bertutur dalam Bahasa Melayu dengan baik, namun mereka berusaha membuat Orang Asli suka dan selesa untuk berkomunikasi dengan mereka. Penggerak Kristian juga terlibat menganjurkan program-program yang seakan-akan sama seperti yang dilaksanakan oleh PMOA dan Mubaligh. Mereka melakukan perancangan rapi untuk menganjurkan sesuatu dengan memilih hari dan masa yang sesuai. Walaupun sesi program tidak mampu disampaikan dalam bahasa suku masyarakat Orang Asli setempat namun mereka akan memastikan tema program selari dengan tabiat kegemaran Orang Asli. Atur cara program kebiasaannya iselitkan



dengan acara-acara keramaian dan makan minum yang sememangnya digemari oleh masyarakat Orang Asli.

Selain itu, menurut Ahmad Redzuwan (2010), pendidikan Orang Asli sering dipandang sepi dan kurang diberi liputan kerana majoriti masyarakat menganggap kaum minoriti ini tidak mahukan pembangunan. Namun, hasil kajian mendapati, antara usaha lain bagi penggerak Kristian mendekati masyarakat Orang Asli ialah melalui pendidikan. Menurut PK6, penggerak Kristian misalnya membantu kanak-kanak yang lemah dalam mata pelajaran Matematik dan bahasa Inggeris dengan mengadakan kelas tambahan. Kelas tambahan yang dijalankan adalah percuma dan kelas dijalankan secara berterusan. Mereka menjadikan gereja-gereja yang ada di dalam perkampungan masyarakat Orang Asli sebagai tempat pengajian. Secara tidak langsung cara ini menjadikan lebih ramai Orang Asli dekat dengan gereja. Menurut PK4, kelas tambahan yang dijalankan ini sangat mendapat sambutan yang baik oleh masyarakat Orang Asli di kampung tersebut kerana tidak menyusahkan ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka keluar ke sekolah bagi mendapatkan kelas tambahan yang belum tentu lagi diberi secara percuma.

Menurut PK4, pihak Kristian mempunyai sekolah mereka sendiri. Setiap anak Orang Asli yang berumur 3 tahun ke atas dihantar ke sekolah tersebut bagi mengikuti pengajian. Oleh kerana itu mereka tidak berpeluang untuk keluar walaupun Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) telah menyediakan Akademi Latihan KEMAS (AKK), Institusi Latihan KEMAS (ILK), dan Pusat Latihan KEMAS (PLK) kepada masyarakat Orang Asli. Oleh kerana kehadiran penggerak Kristian ke perkampungan Orang Asli dengan tujuan memberi pendidikan tersebut mendapat kebenaran daripada pihak Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) serta mendapat kebenaran dan sokongan daripada Tok Batin, maka tiada pihak yang mampu menghalang kedatangan mereka. Malah menurut PK3 dan PK4, selain penggerak Kristian menjalankan kelas tambahan, mereka turut menjanjikan sekiranya terdapat di antara ahli keluarga Orang Asli yang cerdik pandai, mereka akan dihantar melanjutkan pengajian ke institusi pendidikan yang lebih tinggi dalam bidang ilmu agama Kristian serta mendapat keperluan kehidupan yang serba lengkap. Setelah selesai pengajian, anak-anak Orang Asli akan dihantar kembali pulang bagi meneruskan gerakan Kristianisasi dalam kalangan masyarakat Orang Asli setempat bagi memastikan gerakan itu terus berterusan. Malah, menurut PK3 anak-anak Orang Asli yang mendapat pengajian Kristian yang tinggi ini akan dilantik menjadi paderi setelah kembali pulang ke Kampung.

#### b. Memberi bantuan tenaga kemahiran dan keperluan harian

Penggerak Kristian mengambil peluang daripada suasana hidup Orang Asli yang kebanyakannya berada dalam paras kemiskinan, dengan menyogok pelbagai bantuan dan kemudahan material (Mohd Fauzi et. al 2006). Masyarakat Orang Asli di daerah Gopeng dan Kampar sememangnya bergantung hidup dengan mencari rezeki daripada sumber-sumber alam seperti berburu, bertani, menangkap ikan dan mencari hasil hutan seperti rotan dan kayu gaharu. Menurut PK3, kini sudah terdapat sebilangan masyarakat Orang Asli kini yang sudah mula berani keluar daripada kampung dengan mencari rezeki di pekan-pekan yang berdekatan. Misalnya Orang Asli bekerja





di kedai makan, pasar-pasar raya sebagai juru jual, buruh, pencuci dan sebagainya. Keadaan ini menyebabkan mereka tidak banyak berada di kampung sebaliknya ke luar masuk hutan dalam tempoh yang panjang. Oleh yang demikian pendedahan kepada kelas pengajaran dan bimbingan terdapat di perkampungan mereka tidak dapat diikuti sepenuhnya dan sudah tentu usaha-usaha dakwah tidak dapat disampaikan kepada golongan sasaran.

Hasil kajian juga mendapati penggerak Kristian mengambil peluang dengan membantu Orang Asli yang berada dalam keadaan susah misalnya dengan memberi bantuan wang ringgit, keperluan makanan dan lain-lain mengikut kesusahan yang sedang dialami oleh Orang Asli. Menurut PK1, PMOA dan mubaligh dapat menjangka berlakunya murtad setelah Orang Asli mula menjauhkan diri daripada mereka atau enggan menerima bantuan tertentu seperti PMOA atau Mubaligh ingin membantu membetulkan pintu rumah Orang Asli muslim yang rosak, namun ditolak pertolongan tersebut dengan menyatakan boleh memperbetulkannya sendiri. Menurut PK1 daripada sikap dingin yang jauh berbeza daripada sebelum ini membolehkan PMOA dan Mubaligh mengetahui bahawa mereka sudah mula terpesong dan terpengaruh dengan ajaran Kristian.

### c. Memberi bantuan sosial

Pada 1 Januari 2012, perkhidmatan kesihatan dan perubatan Orang Asli di Malaysia telah secara rasminya diambil alih oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (Siti Norshafika 2018). Pelbagai usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan bagi memastikan kesihatan Orang Asli tidak terabai dan sekaligus mendidik mereka supaya peka tentang kepentingan penjagaan kesihatan. Begitu juga usaha yang dilaksanakan oleh penggerak Kristian dalam memberi bantuan perubatan kepada Orang Asli. Menurut PK4, sekiranya mereka mengetahui ada di antara anggota keluarga yang tidak sihat, mereka turun untuk menziarahi dengan memberikan bantuan ubat-ubatan. Tuan rumah menyediakan makanan dan penggerak Kristian mengadakan upacara sembahyang kononya mendoakan kesejahteraan Orang Asli tersebut. Aktiviti ziarah-menziarahi itu diteruskan dari rumah ke rumah yang lain. Bagi penggerak Kristian aktiviti tersebut seperti amalan bersedekah dalam agama mereka. Menurut PK5, bencana atau kesusahan yang menimpa masyarakat Orang Asli dijadikan kesempatan berharga bagi pihak penggerak Kristian untuk melakukan Kristianisasi. Mereka menawarkan bantuan, namun harus dibalas dengan kemurtadan iaitu keluar daripada agama Islam. Hasil kajian mendapati kristianisasi melalui bantuan dan kegiatan sosial ini sudah terjadi berulang kali. Mereka menjadikan kesusahan sebagai tiket membantu lalu mengkristiankan Orang Asli.

### 3. Penggerak Kristian Hadir dengan Sifat Kasih Sayang

Antara topik dalam ajaran Kristian ialah tentang kepentingan cinta dan kasih seseorang terhadap tuhan dan jiran tetangga (Wood 2016). Mereka menekankan juga aspek psikologi dalam cinta dan kasih yang bukan sahaja ditumpukan kepada pasangan suami isteri dan keluarga tetapi turut kepada sesuatu penduduk dan masyarakat (Titus and Scrofant 2012). Dalam konteks kajian ini,



gerakan kristianisasi turut dilakukan dengan menyebarkan mesej kasih sayang ketika berinteraksi dengan masyarakat Orang Asli. Menurut PK6 bahawa beliau lebih menyukai agama Kristian berbanding agama Islam kerana bimbingan agama yang diberikan oleh penggerak Kristian berteraskan kasih sayang. Bagi Orang Asli, ajaran Kristian dianggap tidak membebaskan mereka dengan fitnah dan kutukan kerana Jesus melarang perkara tersebut sama sekali. Bagi PK6, mereka yang murtad mempercayai sekiranya mereka memeluk agama Kristian, mereka akan sama-sama masuk ke syurga samada mereka terdiri daripada orang miskin kaya, jahat atau baik. Walau bagaimanapun, beliau mengetahui dalam ajaran Islam jika mereka mahu masuk ke dalam syurga mereka perlu bertaubat bagi mendapat pengampunan Allah. Bagi beliau untuk mendapatkan pengampunan Allah mengikut ajaran Islam menyusahkan Orang Asli. Ini ditambah dengan salah anggapan Orang Asli yang masih wujud sehingga kini terhadap orang Melayu berdasarkan peristiwa-peristiwa lampau dan sedang berlaku kerana mereka beranggapan orang Melayu menjadi model Islam. Menurut PK1 masyarakat berjiran tidak menunjukkan tauladan yang baik dengan minum arak, menari dalam upacara majlis mengatasi Orang Asli sendiri, sering memandang hina dan tiada langsung rasa hormat dan kasih kepada mereka. Oleh itu, mereka menganggap kelakuan orang Melayu Islam sedemikian berbeza dengan ajaran Kristian yang dibawa oleh penggerak Kristian yang dilihat lebih mementingkan kasih sayang ketika berinteraksi dan bergaul dengan mereka.

Walaupun bagaimanapun, menurut PK4, isu Orang Melayu dengan Orang Asli ini sebenarnya bukanlah isu agama. Namun, sebenarnya disebabkan jarak silaturahim antara Orang Melayu dengan Orang Asli itu sendiri semenjak dahulu memang jauh. Ini kerana Orang Asli dipandang rendah dan jijik oleh Orang Melayu. Hasil kajian mendapati oleh kerana Orang Asli mengaitkan Orang Melayu dengan Islam dalam erti kata Islam adalah Melayu dan Melayu adalah Islam, maka segala peristiwa tersebut dijadikan dua perkara berkait yang tidak dapat dipisahkan. Oleh kerana itu, mereka beranggapan bahawa sekiranya memeluk Islam akan membawa masalah kepada mereka berbanding agama Kristian yang sentiasa mementingkan kasih sayang dan menghormati mereka.

#### 4. Agama Kristian Melantik Paderi dalam Kalangan Masyarakat Orang Asli

Kajian mendapati penggerak Kristian melantik Orang Asli menjadi paderi dalam sesuatu perkampungan Orang Asli. Pendekatan seumpama ini dilihat sebagai “leadership development in the local church” seperti yang dibincangkan oleh Moss (2014). Berdasarkan keterangan PK6, ketua gereja di Kampung Ulu Groh yang bernama Bah Denal merupakan Orang Asli jati kampung tersebut. Menurut beliau Orang Asli lebih mudah untuk berkomunikasi dan memahami apa yang cuba disampaikan penggerak Kristian apabila ketua mereka dari kalangan mereka sendiri. Hasil daripada pengajian ilmu agama Kristian yang lebih tinggi berbanding Orang Asli yang lain, kajian mendapati penggerak Kristian dapat melantik Orang Asli sendiri menjadi paderi bagi sesebuah kampung. Ini dapat memudahkan mereka menarik lebih ramai Orang Asli untuk memeluk agama Kristian. Selain itu, menurut PK3, penggerak Kristian melantik salah seorang



daripada ahli keluarga Orang Asli misalnya seorang anak lelaki dalam satu keluarga bagi mewakili mereka menyampaikan gerakan mereka. Usaha Kristian ini adalah bagi memudahkan seluruh keluarga yang berkenaan lebih mudah mempercayai Kristian apabila dakyah itu disampaikan oleh ahli keluarga mereka sendiri. Anak-anak yang dihantar belajar ke luar Semenanjung Malaysia seperti di Sabah dan Sarawak bagi mendapat ilmu agama Kristian yang lebih tinggi akan kembali pulang ke kampung halaman dan membantu penyebaran agama Kristian. Selain itu, setiap mereka yang membantu gerakan Kristianisasi ini diberikan upah yang lumayan. Menurut PK4, upah yang diperolehi oleh penggerak Kristian ini lebih banyak nilainya berbanding imbuhan yang diperolehi oleh PMOA dan Mubaligh Islam sendiri.

### **Kesimpulan**

Kesungguhan aktivis Kristian dalam menjalankan usaha kristianisasi dalam masyarakat muslim merupakan manifestasi kepada keengganan mereka mengiktiraf dan mengakui keagungan agama Islam sehingga ke hari akhirat sebagaimana yang dinyatakan di dalam al-Quran. Justeru, mereka merancang dengan penuh penelitian bagi merealisasikan hasrat mereka sebagaimana yang terkandung dalam misi 3G, iaitu Gold, Gospel and Glory. Mereka menyusun strategi, kaedah dan bentuk menyebarkan ajaran Kristian khususnya untuk menarik seramai mungkin manusia menganut agama Kristian. Dengan mengkaji daripada sosiologi, antropologi dan psikologi golongan tertentu seperti Orang Asli memudahkan mereka mencapai matlamat yang ditetapkan. Di samping itu dengan meneliti segala tindakan yang dijalankan oleh pihak pendakwah muslim kepada kumpulan minoriti tersebut, mereka membuat pelbagai persepsi bagi menimbulkan kesangsian dan kelemahan di pihak pendakwah muslim. Mereka juga mengambil kesempatan di atas kekurangan yang terdapat pada Orang Asli dengan menawarkan pelbagai bantuan dan habuan berbentuk material supaya mereka dapat mengikuti ajaran Kristian. Oleh itu, pihak-pihak berkepentingan dengan dakwah masyarakat Orang Asli perlu lebih prihatin terhadap usaha gerakan Kristianisasi supaya akidah masyarakat Orang Asli muslim terjaga dan bertambah padu pegangan mereka terhadap ajaran Islam.

### **Rujukan**

- A. Karim Omar. 2012. Dakwah Islamiyyah dalam Mendepani Gerakan Pemurtadan di Malaysia. Kertas kerja Seminar Dakwah Nasional pada 8-9 Oktober 2012 di Dewan Merdeka, Putra World Trade Centre (PWTC) Kuala Lumpur anjuran Pertubuhan Muafakat Sejahtera Masyarakat Malaysia (MUAFAKAT)
- A. Karim Omar. 2013. Kristianisasi dan Dakyah Halus yang Menyerap Ummat: Suatu Fakta. Kertas kerja Konvensyen Ilmuan Islam Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan ke-85 Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan pada 4-6 Disember 2013 di Dewan Bankuet Bangunan Perak Darul Redzuan.
- Abdul Ghafar Don. 2014. Masyarakat Orang Asli Muslim Malaysia: Senario dan Realiti Kefahaman dan Penghayatan Islam. Kertas kerja Seminar Antarabangsa Dakwah dan



- Etnik pada 20 November 2014. Anjuran Pusat Kajian Dakwah Orang Asli dan Peribumi, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Malaysia Sabah.
- Ahmad Redzuan Mohd Yunus. 2010. *Pendekatan Dakwah melalui Pendidikan kepada Masyarakat Orang Asli di Negeri Pahang*. Shah Alam: Penerbit Karisma Publications.
- Baharon Azhar Raffe'i. 1968. *Religion in Social Change among the Orang Asli*. Kuala Lumpur: Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA).
- Bridges, Erich. 1997. "Of 'Jesus Mosques' and Muslim Christians," *Mission Frontiers Pasadena*, CA: USCWM, July/October 1997.
- Carey, Iskandar. 1976. *The A boriginal Tribes of Peninsular Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Choi, James. 2019. What Western Christians Can Learn from the BTS Phenomenon. Diakses melalui <https://www.thegospelcoalition.org/article/bts-phenomenon/> pada 11 Oktober 2019.
- Chong Eu Choong. 2010. Modernity, State-Led Islamisation and the Non-Muslim Response: A Case Study of Christians in Peninsular Malaysia. Tesis Ijazah Doktor Falsafah Universiti Sains Malaysia.
- Dana Rappoport. 2004. Ritual Music and Christianization in the Toraja's Highlands, Sulawesi. *Ethnomusicology, Society for Ethnomusicology*. Vol. 48. No. 3 (Fall, 2004): 378-404.
- Diana Wong and Ngu Ik Tien. 2014. A 'Double Alienation' The Vernacular Chienese Church in Malaysia. *Asian Journal of Social Science*. 42. 262-290.
- Ghazali Basri. 2014. *Gerakan Kristian*. Edisi ketiga. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ghazali Basri. 1994. *Kristianisasi Sebagai Sebuah Gerakan: Satu Tinjauan Sosiologi*. Kajang: Institut Pengajian Ilmu-ilmu Islam.
- Halim Mokhtar. 2002. Penerimaan dakwah Islamiah di kalangan masyarakat Orang Asli: Kajian kes di Pulau Carey Banting Selangor. Disertasi Sarjana. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Halim Mokhtar dan Zulkefli Aini. 2014. Dakwah Islamiah Kepada Orang Asli di Pulau Carey Banting Selangor: Isu, Cabaran, dan Permasalahan. Kertas kerja Seminar Antarabangsa Dakwah dan Etnik pada 20 November 2014 di Universiti Malaysia Sabah anjuran Pusat Kajian Dakwah Orang Asli dan Peribumi Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Malaysia Sabah.
- Hasan Mat Nor. 1994. Christianity and the Peripheral Community: A Malaysian Case. *The Journal of Sophia Asian Studies*. 12: 143-158
- Hoefler, Herbert. 2001. *Churchless Christianity*. Pasadena, CA: William Carey Library.



- Hoefler, Herbert. 2015. Community vs. Belief: Respecting Cultural Belonging in Evangelism. *International Journal of Frontier Missiology* 32:3 Fall 2015: 147-151.
- Ismail Abdul Rahman. 2000. *Gerakan Gereja Katalok di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA). 2014. *Data Maklumat Asas*. Bahagian Perancangan dan Penyelidikan JAKOA.
- Jamilah Mohd Zain & Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. 2017. Aktiviti dakwah JAKIM Terhadap Masyarakat Orang Asli: Pelaksanaan dan Cabarannya. *Malaysian Journal for Islamic Studies* 1: 45-61.
- Juli Edo. 2010. *Adat dan Nilai Masyarakat Orang Asli*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mahani Musa. 1996. Orang Asli di Tanah Melayu: Satu evolusi hubungan dengan pemerintah dan masyarakat luar dari akhir abad ke-19 hingga 1960-an. *Jurnal Ilmu Kemanusiaan*. Jil.3.
- Majlis Agama Islam Selangor. 2014. *Pendedahan Agenda Kristian*. Shah Alam: Majlis Agama Islam Selangor.
- Martin, Carlos G. 2012. *A Biblical Critique To C5 Strategies Among Muslims*. Diakses melalui <http://ojs.globalmissiology.org/index.php/english/article/view/1042/2432> pada 11 Oktober 2019.
- Mohd Fauzi Mohd Harun, Noraini Idris, Madeline Berma & Farida Shahadan. 2006. Kemiskinan di kalangan masyarakat Orang Asli. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 40: 95-101.
- Mohd Nizam Mohd Aslam dan Shuhairimi Abdullah. 2004. *Pembentukan Nilai-nilai Murni Masyarakat Semai melalui Konsep Pandang Dunia (World View): Satu Analisis Awal*. Kangar: Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia.
- Mohd Nizam Sahad dan Che Zarrina Sa'ari. 2005. Islamisasi & Kristianisasi di kalangan Orang Asli Temuan, Broga. *Jurnal Afkar* 6: 37-54.
- Moss, Brian Keith. 2014. *Leadership Development in the Local Church: An Intentional Strategy for Developing Leaders at Every Level*. Tesis Ijazah Kedoktoran Liberty University Baptist Theological Seminary, Lynchburg Virginia.
- Nicholas, Colin., Hunt, Anthony Williams., dan Tiah Sabak. 1989. *Orang Asli in the New: The Emergency Years (1950-58)*. Tp: t.tp.
- Nik Azran Mohamed dan Mohd. Mahadi Isa. 2009. *Gerakan Orientalisme dan Kristianisasi*. Kuala Lumpur: Hijjaz Record Publishing.
- Nor Hashimah dan Zaharani. 2011. Hallyu di Malaysia: Kajian Sosiobudaya. *Malaysian Journal of Communication*. 27(2): 203-219.





- Ramle Abdullah. 2019. Melahirkan Generasi Baru Pendakwah Orang Asli di Negeri Kelantan. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Bengkel Sumbang Saran Penyelarasan Dakwah Orang Asli Antara Agensi Kerajaan, Institusi Pengajian Tinggi dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) di Hotel Copthorne Cameron Highland pada 26-28 September 2019 anjuran Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- Ramlee Abdullah 2015. Cabaran Dakwah dalam Masyarakat Orang Asli. Kertas kerja Persidangan Kebangsaan Pembangunan Insan Pimpinan Masyarakat Orang Asli pada 7-9 November 2015 di The Grand Beach Resort Port Dickson Negeri Sembilan anjuran Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia.
- Tennent, Timothy C. 2019. *Biblical and Historical Reflection on Ecclesiology and Insider Movements*. Diakses melalui <http://btdnetwork.org/wp-content/uploads/2014/08/Biblical-and-Historical-Reflection-on-Ecclesiology-and-Insider-Movements-Tim-Tennent.pdf>. Pada 11 Oktober 2019.
- Tennent, Timothy C. 2005 The Challenge of Churchless Christianity: An Evangelical Assessment. *International Bulletin Of Missionary Research*, Vol. 29, No. 4: 171-177. Diakses melalui <https://journals.sagepub.com/doi/pdf/10.1177/239693930502900401> pada 11 Oktober 2019.
- Titus, C.S., and Scrofant, P., 2012. The Art of Love: A Roman Catholic Psychology of Love. *Journal of Psychology and Christianity*. Vol. 31. No. 2: 118-129.
- Travis, John. 1998. "The C-1 to C-6 Spectrum," *Evangelical Missions Quarterly* 34, no. 4 (October 1998): 407-8
- Siti Norshafika Saharuddin. 2018. *Pembangunan Prasarana di Perkampungan Orang Asli*. Laporan projek Ijazah Sarjana Muda Sains (Pembinaan) Fakulti Alam Bina Universiti Teknologi Malaysia.
- Syed Abdul Rahman Syed Hussin. 2009. Dakwah kepada Orang Asli di Malaysia: Permasalahan dan halangan. *Jurnal Usuluddin*: 155-184.
- Wood, H. 2016. A Christian Understanding of the Significance of Love of Oneself in Loving God and Neighbour: Towards an Integrated Self-Love Reading. *HTS Theologies Studies/Theologies Studies*. 72(3): 1-10.